

MODUL PINTAS TINGKATAN LIMA

2 JAM 30 MINIT

1103/2

BAHASA MELAYU
Kertas 2

ARAHAN :

1. **Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.**
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.**
3. Jawab **semua** soalan.
4. Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
6. **Kertas jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

NO. KAD PENGENALAN

						-							
--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA :

TINGKATAN :

Kertas peperiksaan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan dua kata majmuk dan dua akronim. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan sebagai usaha membendung pandemik pastinya memberikan kesan yang positif terhadap penyebaran virus korona. Namun begitu, hal ini sedikit sebanyak memberikan tekanan kepada rakyat kerana terpaksa berkurung di rumah. Oleh hal yang demikian, berpusu-pusulah orang ramai mengambil kesempatan makan angin apabila kebenaran merentas negeri diumumkan. Purata rakyat Malaysia yang merentas negeri mencecah lebih 1 juta. Walau bagaimanapun, hal ini bukan bermakna kita boleh memandang remeh Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Sebagai masyarakat yang bertanggungjawab, kita perlu memahami konsep 'bercuti dalam norma baharu' kerana keadaan tempat percutian sentiasa sesak, seperti di pawagam dan pusat beli-belah.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bercuti dalam Kebiasaan Baharu'
oleh Prof. Dr. Noraziah Mohamad Zin,
Dewan Siswa, Bil.12/2021.

[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat yang bergaris kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.*

Kepentingan ilmu kewangan dalam kalangan anak-anak sedari kecil tidak harus dipandang ringan. Ibu bapa perlu menerapkan ilmu kewangan dalam diri anak seawal empat tahun. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan generasi muda yang bijak wang, sekali gus mampu mengurus kehidupan mereka dengan baik pada masa hadapan. Selain itu, pendidikan kewangan dapat memupuk rasa tanggungjawab. Sebagai contoh, kanak-kanak di negara Eropah melakukan aktiviti menjual makanan dan minuman bagi mengumpul wang saku. Dengan hasil jualan ini, mereka dapat membeli sesuatu barangan yang dikehendaki. Secara langsung, mereka turut memahami bahawa wang merupakan alat tukaran bagi mendapatkan sesuatu.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sentiasalah Beringat demi Masa Depan'
oleh Yusraida Yusof,
Dewan Siswa, Bil. 09/2020

[6 markah]

- 3 Resume dan petikan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembedulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Bahan 1

MOHAMAD FAHIM BIN IRSYAD



Anugerah

- ✚ Dinobatkan sebagai Tokoh Kepimpinan Muda semasa Kem Pengawas Peringkat Negeri
- ✚ Pencapaian Terbaik PT3 Peringkat Sekolah
- ✚ Dianugerahkan sebagai Tokoh Kokurikulum Terbaik



Ko-Kurikulum

- ✚ Johan Pertandingan Bicara Berirama Bahasa Melayu Peringkat Negeri
- ✚ Naib Johan Kejohanan Memanah MSSD
- ✚ Kursus Kenaikan Pangkat Sub-Inspektor Kor Kadet Polis Peringkat Negeri Selangor



Potensi Diri

- ✚ Mesra dan mudah bekerja sama dalam kumpulan
- ✚ Berani berucap pada khalayak ramai
- ✚ Bersedia melakukan tugas sebagai sukarelawan
- ✚ Bersedia menerima tanggungjawab untuk memimpin
- ✚ Boleh memotivasikan diri



Kemahiran Bahasa

- ✚ Bahasa Melayu
- ✚ Bahasa Inggeris
- ✚ Bahasa Jerman



Kemahiran Teknologi Maklumat

- ✚ Mahir menggunakan perisian *Microsoft Office*
- ✚ Mahir menggunakan perisian *Adobe Photoshop*
- ✚ Mampu menghasilkan video kreativiti

Rujukan

Puan Zarina binti Zainal (019-1234567)
Guru Tingkatan 4 Berlian
SMK Sri Impian



[5 markah]

Bahan 2

Pelancongan pendidikan adalah program yang melibatkan perjalanan ke sesuatu lokasi oleh sekumpulan individu untuk membina pengalaman dan mendapatkan ilmu. Pelancongan pendidikan berpotensi besar sebagai suatu bidang pasaran baharu dalam agenda ekonomi Malaysia. Faktor pelancongan pendidikan di Malaysia, antaranya penawaran pendidikan berkualiti tinggi, kepelbagaian pilihan kursus, yuran pengajian yang berpatutan, serta aplikasi teknologi pendidikan yang meluas. Kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi yang memberansangkan juga merupakan asas penting dalam merealisasikan Malaysia sebagai pusat pelancongan pendidikan yang paling termasyhur di rantau Asia Pasifik. Para pelajar asing datang ke Malaysia bukan sahaja untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti malahan mereka juga mengambil kesempatan ini untuk melancong di sekitar Malaysia. Platform terbaik kerajaan Malaysia sediakan supaya pelajar asing dapat mengenali tradisi dan kebudayaan negara di Asia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pelancongan Pendidikan: Tinjauan Konseptual dan Potensinya di Malaysia'
oleh Ruzanna Syamimi Ramli *et.al*
daripada <https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/>

[6 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Hatta berapa lamanya maka datang pula orang Siam menyerang Melaka; Awi Dicu nama panglimanya. Maka kedengaran khabarnya ke Melaka; maka dipersembahkan orang kepada Sultan. Maka baginda pun menitahkan Bendahara Paduka Raja berlengkap akan mengeluari orang Siam.

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

- 5 *Petikan di bawah ini mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan dua peribahasa sahaja, kemudian bina ayat dengan menggunakan peribahasa tersebut.*

Usaha seorang lelaki melakukan kajian selama lima tahun membuahkan hasil apabila berjaya menanam lebih 30 pokok anggur. Namun demikian, pada peringkat awal, Salleh mengalami kegagalan kerana melakukan beberapa kesilapan, seperti tidak membuat teduhan untuk pokok anggur dan tidak memilih tanah dan benih anggur yang sesuai. Bagi mengelakkan, pisang berbuah dua kali, Salleh sering mencari jalan untuk mengatasi kesilapannya. Salleh telah mendapatkan benih yang lebih berkualiti dari luar negara. Walaupun terpaksa berbelanja lebih bagi mengusahakan tanaman anggur, tindakannya berbaloi dengan hasil yang diperoleh kerana baginya di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bingkisan Anggur Pantai Timur',
buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 5*

[4 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Perkembangan sektor pelancongan kesihatan di Malaysia bermula sejak tahun 1990-an. Terdapat dua kategori utama perkhidmatan pelancongan kesihatan di Malaysia, iaitu pelancongan perubatan dan pelancongan kesejahteraan.

Antara hospital yang menjadi pilihan pelancong kesihatan termasuklah Institut Jantung Negara, Hospital Pakar KPJ Damansara, Sunway Medical Centre, Petaling Jaya, International Specialist Eye Centre, Kuala Lumpur dan Gleneagles Medical Centre, Pulau Pinang. Kos rawatan yang kompetitif dan fasiliti perubatan moden ialah faktor tarikan utama pelancong untuk datang mendapatkan rawatan di Malaysia. Hal ini disebabkan oleh kos kewangan bagi rawatan di Malaysia adalah relatif lebih murah berbanding dengan kos kewangan di negara lain seperti kos di Amerika Syarikat. Selain itu, tukaran mata wang asing dengan ringgit yang mempunyai nilai yang lebih rendah juga menjadi daya tarikan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Malaysia Destinasi Pelancongan Kesihatan Bertaraf Dunia'
oleh Zurina Kefeli@Zulkefli
Dewan Budaya, Bil.1/2021

Bahan 2**Pelancongan Kesejahteraan Berpotensi di Malaysia**

Oleh : Norshazlina Nor'azman

Industri kecergasan dan kesejahteraan berpotensi menjadi sumber pendapatan lumayan bagi sektor pelancongan di Malaysia. Malaysia perlu mencuba untuk menguasai sebahagian daripada pasaran dengan membangunkan pelancongan kesejahteraan atau *wellness tourism* seiring pelancongan kesihatan yang dipromosi secara agresif. Pelancongan kesihatan yang diperkenalkan di Malaysia pada 1998, adalah antara strategi kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi ketika berlakunya krisis ekonomi Asia.

Pelancongan kesihatan atau perubatan memberi tumpuan kepada penjagaan kesihatan seperti mendapatkan rawatan, menjalani pembedahan atau pemeriksaan kesihatan di hospital swasta. Pelancongan kesihatan hendaklah meluaskan lagi konteks tersebut dengan memasukkan aspek kesejahteraan. Yoga dan aktiviti kerohanian serta minggu kecergasan, yang dianjurkan di Malaysia secara berjadual boleh menarik pelancong dari seluruh dunia yang berminat melakukannya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pelancongan Kesejahteraan Berpotensi di Malaysia'
oleh Norshazlina Nor'azman

Sumber: Internet

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, senaraikan dua jenis perkhidmatan pelancongan kesihatan yang boleh dimajukan di Malaysia.

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan faktor yang mendorong pelancong mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Malaysia.

[3 markah]

- (iii) Malaysia mempunyai pelbagai keistimewaan seperti tempat-tempat sejarah yang unik, kepelbagaian budaya dan keindahan alam semula jadinya yang menjadi faktor pendorong kepada kedatangan pelancong ke negara kita. Selain itu, perkhidmatan kesihatan yang disediakan juga dapat menarik kedatangan pelancong dari luar.

Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan positif kedatangan pelancong ke negara Malaysia?

[4 markah]

- (iv) Keluarga anda bercadang untuk mendapatkan perkhidmatan pelancongan kesihatan di sebuah negara.

Pada pandangan anda, apakah ciri-ciri perkhidmatan pelancongan kesihatan yang menjadi pilihan keluarga anda?

[3 markah]

- 7 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Dania dan Gayathri berbincang tentang pengalaman mereka menyertai Karnival Teknologi Hijau pada tahun lepas. Selain pameran, mereka turut menyertai Kuiz Teknologi Hijau.

- Dania : Penyertaan kita dalam Karnival Teknologi Hijau itu menyeronokkan betul, bukan?
- Gayathri : Sayangnya kita tidak dapat menjuarai Kuiz Teknologi Hijau itu. Jika tidak, kejayaan yang ditempa oleh sekolah kita bertambah gemilang.
- Dania : Tidak mengapa Gayathri. Pengalaman dan pengetahuan yang kita peroleh daripada aktiviti itu sangat berguna.
- Gayathri : Fikiran saya buntu dan serabut sungguh pada waktu itu. Saya terlupa bahawa ada banyak tenaga yang boleh diperbaharu. Salah satunya ialah tenaga hidroelektrik.
- Dania : Siapa sangka ya, tenaga elektrik dapat dihasilkan oleh sumber alam, iaitu aliran air. Tanpa penemuan sains, tentulah kita sangka bahawa air hanya berguna untuk kita minum, membersihkan diri, dan pakaian sahaja.
- Gayathri : Yang penting, tenaga hidro ini bersih dan mesra alam. Tenaga ini tidak mencemarkan alam sekitar seperti tenaga lain yang tidak boleh diperbaharu.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Tenaga daripada Air’
buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 5*

Bahan 2**Sajak Tenaga Alternatif**

Syukur kepada Tuhan
Anugerah alam-Nya luas
nikmat-Nya tidak terhingga
asal kita mampu mengolahnya.

Ke hilir air yang mengalir
mampu diempang membukit
memutar turbin tanpa jemu
menghasilkan tenaga elektrik.

Angin yang bertiup nyaman
bilah raksasa boleh berpusing mudah
tenaga elektrik terhasil
tanpa sedikit pun merosakkan alam.

Panel-panel hitam solar
mampu menyerap tenaga
mengolah dan menyimpan
hasilnya menjadi tenaga elektrik.

Marilah warga dunia
gunakanlah anugerah ini
dengan sebaik-baiknya
alam buana pasti ceria.

Sumber: Internet

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkap ketiga sajak. [2 markah]

(ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kebaikan tenaga alternatif ini. [3 markah]

(iii) Menurut Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA), harga gas dan arang batu yang lebih tinggi di Eropah, termasuk Sepanyol dan Jerman, ditambah dengan kenaikan harga karbon Eropah, mendorong harga elektrik menjadi lebih tinggi.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik dalam kalangan masyarakat? [4 markah]

(iv) Anda mendapat tahu bahawa jiran anda membuat penyambungan elektrik secara tidak sah selain tidak mematuhi sistem pendawaian yang sempurna seperti pengubahsuaian soket pada punca elektrik sedia ada. Tindakan jiran ini amat membahayakan dan boleh menyebabkan berlaku kebakaran.

Sebagai jiran yang prihatin, apakah tindakan-tindakan yang boleh anda ambil untuk menyedarkannya tentang kesalahan yang telah dilakukan? [4 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pisang juga dapat memulihkan beberapa penyakit jika amalan pengambilannya dilakukan selalu. Antaranya zat besi yang ada dalam buah pisang boleh menstimulasikan hemoglobin dalam darah dan mengurangkan anemia. Bagi mereka yang mengalami tekanan darah tinggi digalakkan makan buah pisang kerana kandungan potasiumnya yang tinggi. Satu kajian dibuat terhadap 200 orang murid sekolah di Britain yang bakal menduduki peperiksaan diberi makan pisang waktu sarapan pagi, makan tengah hari, dan malam. Didapati mereka berjaya kerana pisang baik untuk rangsangan otak. Triptopon, sejenis vitamin yang terkandung dalam pisang juga dikatakan dapat membuat si pemakannya berasa tenang.

Selain itu, kulit pisang juga dapat menyembuhkan bintat atau rasa gatal akibat gigitan nyamuk dengan menyapu bahagian kulit pada bahagian yang digigit.

Dipetik daripada novel *Jendela Menghadap Jalan*
karya Ruhaini Matdarin
Kementerian Pendidikan Malaysia

Jelaskan manfaat pisang yang dapat diperoleh seseorang apabila memakan pisang.

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang menunjukkan kebijaksanaan.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1

Tubuh yang sihat dan cergas dapat memberikan keselesaan kepada diri seseorang untuk melakukan pelbagai aktiviti harian. Oleh itu, penting bagi setiap individu, khususnya remaja untuk mengamalkan gaya hidup sihat agar aktiviti rutin harian dan pembelajaran tidak terganggu. Pendedahan terhadap remaja sejak awal usia dengan aktiviti yang menyihatkan seperti berbasikal, berjoging dan mendaki gunung dapat menjadikan remaja cergas dan cerdas. Secara tidak langsung, golongan remaja dapat mengekalkan tahap kesihatan yang baik, membina keyakinan diri dan memupuk nilai murni dalam diri. Kepsatan dunia teknologi turut merubah tabiat hidup remaja. Hal ini juga, memberi cabaran hebat buat remaja dalam bentuk gaya hidup sihat agar dapat dilakukan secara berterusan. Apa yang pasti, melakukan aktiviti yang sihat berupaya meningkatkan keyakinan diri seseorang untuk terus bersemangat melalui rutin harian mereka.


Amalan gaya hidup sihat yang dilakukan bersama-sama keluarga mahupun rakan-rakan mampu mengeratkan hubungan silaturahim dengan insan tersayang. Sehubungan dengan itu, sebagai remaja yang proaktif, amalan gaya hidup sihat yang berkesan perlu dilakukan sekurang-kurangnya tiga kali seminggu secara konsisten. Hal ini akan menjadikan badan lebih bertenaga dan sihat melalui aktiviti pengeluaran peluh secara semula jadi. Aspek pengurusan masa harian yang sistematik dituntut dalam melakukan aktiviti riadah secara konsisten. Remaja yang cemerlang akan mengatur jadual aktiviti harian supaya seimbang dengan keperluan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, pengamalan dan pengambilan pemakanan seimbang dalam menu harian merupakan kunci utama ke arah amalan gaya hidup sihat yang perlu dijadikan budaya hidup setiap hari oleh para remaja. Sebagai remaja yang sihat dan positif, kebersihan diri pada setiap hari perlu diamalkan bagi memastikan diri terhindar daripada sebarang penyakit. Hal ini demikian kerana amalan gaya hidup sihat sebenarnya merangkumi segala aspek kehidupan manusia secara holistik.

Sebagai remaja yang sihat dan positif, remaja juga perlu menjauhi amalan negatif seperti menjauhi tabiat merokok dan najis dadah. Pendedahan dan kesedaran bahawa tabiat negatif ini dapat memberi kesedaran kepada remaja agar memikirkan dahulu akibat yang bakal berlaku sebelum melakukan sesuatu perkara yang mengundang musibah kepada diri mereka. Sehubungan dengan itu, sebagai generasi pemimpin kesinambungan negara, pengamalan gaya hidup ini perlu dipraktikkan dalam kehidupan para remaja bermula dari awal lagi.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Ayuh, Kekal, Cergas dan Sihat'
oleh Along Ahmad
Dewan Bahasa, Bil. 07/2020

Bahan 2

HIDUP AKTIF, BADAN SIHAT!



Sumber:
www.com/KlinikDrZain/posts/hidup-aktif-badan-sihat/2153663191365786/

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT